

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Monday, July 9, 2018 4:52 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** SKPSA 2018 Fokus Pemantapan Integriti Dalam Tadbir Urus Sektor Awam



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**

9 JULAI 2018 / 25 SYAWAL 1439H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz

## **SKPSA 2018 FOKUS PEMANTAPAN INTEGRITI DALAM TADBIR URUS SEKTOR AWAM**



**UUM ONLINE:** Sabah - Menginjak tahun ketujuh penganjuran, Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam 2018 (SKPSA 2018) anjuran Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) terus menumpukan isu-isu semasa yang relevan dalam tadbir urus sektor awam di negara ini.

Menfokuskan kepada pemantapan integriti termasuk hal berkaitan kawalan dalam, pengurusan risiko dan keupayaan pengesanan serta pencegahan frod dalam urusan kewangan organisasi, SKPSA menjadi platform ahli akademik dan pengamal industri untuk menjalinkan hubungan kerjasama dan menggalakkan percambahan ilmu dan perkongsian

pengalaman masing-masing selama tiga hari mulai 2 Julai lalu di Hotel Klagan Regency, Kota Kinabalu.

Dekan TISSA, Prof Madya Dr Chek Derashid berkata, sektor awam perlu lebih efektif dan efisien dalam menyokong perkembangan dan pembangunan negara melalui tadbir urus kewangan yang dinamik dan mampan.

"Kita juga perlu sedar tentang frod dan juga tindakan pengesanan serta pencegahan kerana kawalan dalaman yang cekap dan berkesan dalam mengendalikan sumber kerajaan dapat membantu untuk mencegah salah guna kuasa dan juga kewangan awam.

"Isu yang bincangkan pada seminar ini adalah sangat bersesuaian dengan keadaan persekitaran ekonomi semasa yang mencabar, disusuli dengan tema Tadbir Urus Yang Dinamik Mewujudkan Kebaikan, Menolak Keburukan dan Menghilangkan Kemudaratan," katanya yang mewakili Naib Canselor ketika merasmikan SKPSA itu.

Seramai 190 peserta terdiri pegawai tadbir, akauntan dan juruaudit dari pelbagai organisasi awam seluruh negara telah mengikuti seminar tersebut yang menampilkan penceramah seperti mantan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang; Presiden Transparency International (M), Dato' Akhbar Sattar; Ahli Lembaga Pengarah UUM, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff; Mohd Zaki Ismail dari Jabatan Audit Negara; Ustaz Mohd Fadhli Ahmat (Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard IPK Kota Kinabalu) dan Shuhairoz Mohamed Shukeri (Bahagian Kualiti dan ISO, Jabatan Imigresen Malaysia).

Hadir sama, Pengarah SKPSA, Dr Rose Shamsiah Samsudin.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.